

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 5 2025

BAHASA MELAYU
Kertas 1
2 Jam

1103/1

NAMA : _____

TINGKATAN : _____

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.

ARAHAN :

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
5. Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A		30	
B	1	70	
	2		
	3		
	4		
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.



Bahagian A

[30 markah]

Maklumat di bawah berkaitan dengan sektor pelancongan di negara kita.

Huraikan pendapat anda tentang sektor **pelancongan** di negara kita.

Panjang huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.



Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang beriklim khatulistiwa dengan mempunyai alam semula jadi yang unik. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah membangunkan sektor pelancongan bagi meningkatkan pendapatan negara dalam pertukaran mata wang asing.

Sumber : *Internet*



MEDIA RUJUKAN MASSA:
Portal berita No. 1 di Malaysia

Sektor pelancongan buka lebih banyak peluang kerja

BAHAGIAN B

(70 markah)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Alam pekerjaan merupakan suatu fasa dalam kehidupan yang perlu ditempuhi oleh semua manusia. Berbeza dengan sedekad yang lalu, pekerjaan yang stabil semakin sukar untuk diperolehi kerana berlaku kadar persaingan yang amat banyak. Oleh hal yang demikian, para pelajar perlu bersedia dalam segala aspek sebelum menempuh alam pekerjaan.

Sumber : *Internet*

Huraikan persediaan-persediaan tersebut.

2.

E-sukan ialah suatu bentuk permainan video yang dipertandingkan dan dimainkan dengan penuh semangat kesukanan. Contoh E-sukan yang popular dalam kalangan remaja ialah *Defense Of The Ancient 2* (DOTA 2), *League of Legends* (LOL) dan *PlayerUnknown's Battlegrounds* (PUBG) Namun demikian, remaja kini masih belum menyedari kepentingan E-sukan walaupun sukan ini telah berkembang di serata dunia dan menjadi sumber pendapatan yang lumayan.

Sumber : Buku Teks Tingkatan 4

Huraikan faedah yang terdapat dalam petikan di atas berserta faedah-faedah lain sukan tersebut.

3. Generasi kini kurang kesedaran terhadap kepentingan sejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana generasi muda yang diharapkan menjadi pewaris masa depan dikatakan mempunyai pengetahuan yang amat cetek mengenai negara sendiri dan kurang minat menghayati sejarah tanah air. Pelbagai pihak perlu mengambil tindakan untuk meningkatkan kesedaran kepentingan sejarah.

Sumber : Berita Harian, 3 Ogos 2022

Bincangkan peranan pelbagai pihak untuk meningkatkan kesedaran tersebut.

4. Bukan mudah untuk memupuk minat membaca karya sastera dalam kalangan generasi muda hari ini. Oleh itu, pelbagai langkah haruslah diambil bagi menarik minat generasi muda minat membaca karya sastera. Antara langkah tersebut adalah mempelbagaikan bahan bacaan sastera di perpustakaan sekolah, memberikan pendedahan tentang karya sastera kepada anak-anak sejak kecil dan mempromosikan karya sastera.

Sumber : *Internet*

Berdasarkan petikan, huraikan langkah-langkah untuk memupuk minat membaca karya tersebut.

Join telegram @exercise_students

- Soalan Tamat -